



Hari Kesihatan Sedunia

KERATAN DARIPADA

UCAPAN YB DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA
SEMPENA MAJLIS PERASMIAN HARI KESIHATAN SEDUNIA
PERINGKAT KEBANGSAAN 2010

DI NEGERI MELAKA, 11 APRIL 2010



Posted by Blog Administrator on March 1st, 2012

Hari Kesihatan Sedunia disambut di seluruh dunia pada 7 April setiap tahun dengan tema yang berbeza-beza. Sambutan diadakan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai isu-isu kesihatan global yang penting. Tema Hari Kesihatan Sedunia pada tahun ini adalah Urbanisasi dan Kesihatan (Urbanization and Health). Tema ini dipilih oleh WHO untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kesan urbanisasi dan tindakan yang boleh diambil oleh semua pihak bagi mengurangkan risiko kesihatan akibat proses urbanisasi.

Urbanisasi ditakrifkan sebagai pertumbuhan fizikal kawasan bandar akibat perpindahan masyarakat daripada kawasan luar bandar dan seterusnya menyebabkan peningkatan penduduk bandar.

Di peringkat global, penduduk di bandar telah meningkat begitu ketara. Pada tahun 1950 kurang dari 30% penduduk dunia tinggal di bandar. Jumlah ini meningkat kepada 47% (iaitu 2.8 billion) pada tahun 2000 dan dijangka akan terus meningkat kepada 60% (iaitu 4.9 billion) pada tahun 2030.

Bagi kita di Malaysia, peningkatan penduduk di kawasan bandar juga telah bertambah dengan ketara. Mengikut laporan Jabatan Perangkaan Malaysia, peratusan penduduk di bandar telah meningkat dari 50% pada tahun 1970 kepada 62% pada tahun 2000 dan dijangka terus meningkat kepada 65% pada tahun 2030. Dari segi bilangan pula dijangka bertambah daripada 5.5 juta pada tahun 1970 kepada 27.1 juta pada tahun 2030.

Urbanisasi memberi banyak cabaran kepada pelbagai aspek persekitaran dan sosial termasuk kesihatan. Proses urbanisasi yang terlalu cepat serta kurang perancangan akan menyebabkan terjejasnya keupayaan kerajaan memberi perkhidmatan asas seperti kemudahan pendidikan, kesihatan, pengangkutan, sanitasi dan keselamatan.

Malaysia telah mengalami kadar urbanisasi yang tinggi kesan dari proses migrasi dari negara luar dan dari penduduk luar bandar ke bandaraya yang menyediakan peluang pekerjaan yang luas. Ini menimbulkan masalah kekurangan tempat tinggal dan kesukaran mendapatkan rumah, yang mendorong kepada pembukaan kampung setinggan. Di samping itu, ia memberi tekanan kepada pihak Kerajaan Tempatan untuk menyediakan kemudahan infrastruktur asas seperti jalanraya, bekalan air, elektrik dan menguruskan pembuangan sampah dan sisa pepejal dengan betul. Ini telah membawa kepada masalah bandar seperti kesesakan lalu lintas, banjir kilat, pencemaran dan sanitasi yang tidak memuaskan.

Pengurusan sampah yang tidak sempurna akan menyebabkan pembiakan nyamuk, tikus dan lain-lain vektor pembawa penyakit yang boleh menyebabkan berlakunya kejadian penyakit berjangkit seperti denggi, leptospirosis dan keracunan makanan. Denggi khususnya merupakan satu masalah di bandar-bandar di mana lapan puluh (80) peratus kes yang dilaporkan di seluruh negara adalah di bandar.

Pertambahan penduduk di bandar akibat dari proses urbanisasi telah meningkatkan golongan yang kurang berkemampuan. Ini boleh menjejaskan tahap kesihatan mereka kerana kekurangan akses kepada perkhidmatan kesihatan.

Bagi mengatasi masalah ini Kerajaan Malaysia telah menyediakan 50 buah Klinik 1 Malaysia bagi memberi perkhidmatan kepada kumpulan ini sehampir mungkin dengan mereka, agar akses kepada perkhidmatan dapat ditingkatkan.

Kementerian Kesihatan Malaysia juga telah menjalankan promosi dan program-program kesihatan untuk memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai penyakit-penyakit berjangkit, tidak berjangkit dan gaya hidup sihat yang perlu diamalkan bagi meningkatkan taraf kesihatan penduduk.

Selain dari itu Kementerian Kesihatan Malaysia juga telah menggunakan Pendekatan Persekitaran yang Sejahtera (iaitu Healthy Settings) yang telah diperkenalkan oleh WHO untuk membolehkan sebuah bandar, daerah atau komuniti untuk mempunyai status kesihatan yang optimum. Antara bandar yang telah mendapat pengiktirafan Healthy City di Malaysia adalah Johor Bahru dan Kuching.

Healthy Settings menggunakan empat strategi iaitu:

- Memperbaiki taraf kesihatan masyarakat (dalam persekitaran yang dinyatakan) melalui perkhidmatan yang responsif dan berteraskan kepada pencegahan penyakit;
- Memperbaiki taraf kesihatan persekitaran melalui pematuhan kepada undang-undang dan peraturan-peraturan;
- Kolaborasi dan koordinasi dengan semua agensi yang berkaitan dalam mempertingkatkan taraf kesihatan masyarakat (dalam persekitaran yang dinyatakan); dan
- Memperkasakan komuniti dalam membudayakan gaya hidup yang sihat dan mengutamakan kesihatan dalam kehidupan seharian mereka.

Pendekatan healthy settings adalah selaras dengan pelaksanaan Local Agenda 21 yang dipromosikan oleh Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan, yang memerlukan penglibatan komuniti, pendekatan "bottoms-up" dan juga penglibatan sektor swasta. Pendekatan healthy settings juga mampu menjadi pemangkin untuk mencapai objektif-objektif yang terkandung di dalam Local Agenda 21.

Sebagai contoh, Pihak Berkuasa Tempatan dapat mewujudkan persekitaran hidup yang sejahtera melalui pendekatan healthy settings dengan mengambil tindakan seperti:

- Menghadkan penjaja-penjaja makanan dan minuman dari berniaga dalam lingkungan 500 meter dari perimeter sekolah.
- Menghadkan pengiklanan fast food dan juga lain-lain makanan dan minuman yang tidak sihat di papan-papan pengiklanan di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan.
- Meningkatkan usaha-usaha menjaga kebersihan kawasan dan premis bagi mengawal penyakit-penyakit berjangkit seperti denggi, chikungunya, keracunan makanan dan lain-lain; dan
- Memastikan semua premis makanan di premis pejabat Pihak Berkuasa Tempatan menggunakan konsep "Kafeteria Sihat".

Urbanisasi adalah satu perkembangan yang tidak boleh disekat, tetapi proses pembangunannya perlu dijaga dengan mengambil kira nilai-nilai hidup serta keperluan sosial, fizikal dan spiritual penduduknya. Kita mahu bandar menjadi kawasan yang mana rakyat merasa senang untuk hidup dengan tenang, tidak terlalu sempit, tidak kotor dan penduduk merasa gembira tinggal di situ. Ini dapat memastikan penduduk menikmati cara hidup lebih baik dan bermutu tinggi serta merasa selamat dan aman.

Oleh yang demikian, kerajaan kita sentiasa memastikan perancangan bandar yang komprehensif untuk mencapai matlamat pembangunan negara melalui proses pembangunan bandar yang terancang. Ianya amat penting bagi memastikan pembangunan bandar adalah seimbang dari segi pembangunan fizikal, susunan kaum dan penyertaan mereka dalam pembangunan bandar melalui pengurusan sumber yang lebih cekap seperti tanah, pengangkutan, perumahan, tenaga manusia dan infrastruktur sosial.

Salah satu Program yang diadakan pada pagi ini ialah Program Berjalan Kaki 10,000 langkah. Dengan terlaksananya Program Berjalan Kaki 10,000 langkah yang menyusuri Sungai Melaka, kita telah memenuhi harapan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang mengharap agar diadakan aktiviti kesihatan yang disertai oleh ramai masyarakat dalam acara sambutan Hari Kesihatan Sedunia.